

06 JAN 2003

Rencana:Nelayan

NELAYAN KUALA KEDAH MASIH DIBELENGGU KEMUNDURAN

Oleh: Abdul Halim Taib

ALOR STAR: Pekan Kuala Kedah suatu ketika dahulu pernah menjadi benteng pertahanan yang penting bagi negeri Kedah sewaktu berhadapan dengan serangan musuh daripada luar seperti Siam dan Aceh.

Ia juga pernah menjadi pintu masuk utama perahu dan kapal dagang ke Alor Setar dan kawasan daratan lain.

Bagaimanapun, pekan itu yang terletak hanya kira-kira 15 minit perjalanan kereta dari sini kini sudah tidak segagah dahulu.

Ketika arus pembangunan sedang melanda dengan pesatnya di seluruh negara, sebilangan besar penduduk Kuala Kedah yang kebanyakannya kaum nelayan masih lagi dibelenggu kemiskinan.

Penampilan beberapa infrastruktur di sekitarnya, seperti jalan raya sepanjang 10km dari Simpang Kuala ke Kuala Kedah yang kelihatan begitu cantik dengan dihiasi lampu jalan seindah lampu di Putrajaya, seolah-olah tidak memberi banyak makna kepada penduduk berkenaan.

Secara amnya taraf sosio-ekonomi penduduk Pekan Kuala Kedah tidak banyak berubah walaupun ia salah sebuah pangkalan bot atau feri utama yang menghubungkan negeri Kedah dengan pulau pelancongan Langkawi.

Bagi sesetengah penduduk pula, taraf hidup mereka masih kekal di takuk lama walaupun pelbagai kemudahan asas yang boleh membantu menjana perkembangan ekonomi telah dilaksanakan oleh kerajaan, termasuk jambatan Tok Pasai yang menghubungkan Kuala Kedah dengan Kampung Seberang Kota dan projek perumahan rakyat.

DIHIMPIT KEMISKINAN

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah, Mohd Yusof Ahmad berkata, kehidupan kebanyakan daripada kira-kira 5,000 penduduk Kuala Kedah yang bergantung sepenuhnya kepada penangkapan ikan masih terus dihimpit kemiskinan.

"Taraf hidup mereka yang bergantung kepada hasil laut yang tidak menentu dan kurang lumayan jauh lebih daif daripada penduduk yang tinggal dan mengusahakan sawah padi di kawasan berdekatan seperti Kampung Kubang Rotan," katanya.

Daripada jumlah itu, 30 peratus adalah nelayan pantai yang meraih pendapatan antara RM200 dan RM300 sebulan manakala mereka yang bekerja sebagai awak-awak (sekitar 60 peratus) memperoleh pendapatan antara RM400 dan RM500 sebulan.

Yang bakinya sebanyak 10 peratus merupakan pemilik bot yang memperoleh pendapatan bersih antara RM700 dan RM2,000 sebulan, bergantung kepada saiz boat mereka.

Mohd Yusof menyenaraikan beberapa punca kepada kemunduran hidup kaum nelayan itu, termasuk kegagalan sesetengah daripada mereka turun ke laut kerana bot mereka ditahan terlalu lama oleh pihak-pihak berkuasa.

"Bila bot ditahan terlalu lama, nelayan tidak dapat turun ke laut, sekaligus menyebabkan bayaran balik ansuran pinjaman bank bagi pembelian bot mereka tertunggak," katanya.

Menurut Mohd Yusof, kemiskinan menyebabkan sebahagian besar penduduk hingga kini masih belum memiliki rumah kediaman yang sempurna.

"Sebanyak 600 buah rumah penempatan nelayan yang disediakan di Kampung Seberang Kota masih jauh daripada mencukupi," tegasnya.

Turut menyumbang kepada kemerosotan pendapatan dan taraf kesihatan kaum nelayan di Kuala Kedah ialah muara sungai dekat jeti feri ke Langkawi yang

cetek dan kotor.

SAMPAH SARAP JEJAS TANGKAPAN

Sampah sarap serta sisa buangan yang banyak di situ hanyut dan melekat pada jaring nelayan, menjejaskan tangkapan mereka.

Ombak kuat daripada feri Langkawi dan kemasukan tongkang haram yang membawa lembu tanpa mengikut peraturan juga merosakkan tiang pangkalan atau tempat berlabuh bot-bot nelayan pantai.

Yusof berkata, 30 peratus daripada nelayan Kuala Kedah merupakan nelayan pantai atau nelayan tradisi, manakala bakinya nelayan komersial.

Menurutnya, terdapat empat kategori nelayan di Kuala Kedah iaitu nelayan kelas A terdiri daripada nelayan pantai termasuk pukut bilis. Mereka mempunyai kawasan tangkapan yang tidak terhad daripada tepi pantai hingga ke tengah laut.

Nelayan kelas B pula terdiri daripada nelayan komersial yang kawasan tangkapannya lebih 5 batu nautika daripada pantai, kelas C lebih 12 batu nautika dan C2 ialah nelayan laut dalam yang kawasan tangkapannya lebih 70 batu nautika daripada pantai dengan menggunakan bot besar serta pukut tunda atau pukut harimau.

Yusof berkata, nelayan pantai yang menjadi ahli persatuan nelayan akan menjual hasil tangkapan mereka kepada persatuan itu.

Nelayan kelas lain kebanyakannya bekerja sebagai awak-awak di atas bot kepunyaan orang lain.

SISTEM PANGGU

Bagi awak-awak di bot besar, mereka dibayar gaji harian, melalui sistem "panggu" iaitu semua pendapatan terlebih dahulu ditolak kos operasi seperti minyak dan air batu sebelum bakinya dibahagikan dua di antara pemilik bot dan awak-awak berkenaan.

Beliau berkata, di antara usaha persatuan untuk membantu nelayan ialah mewujudkan Tabung Bencana Nelayan serta meminta kerajaan menyediakan subsidi minyak petrol untuk nelayan pantai yang menggunakan enjin petrol, selain subsidi minyak diesel yang telahpun diberikan kepada bot-bot nelayan yang lebih besar.

Yusof berkata, PNKK yang ditubuhkan pada 1972 turut memainkan peranan mengatasi masalah "orang tengah" untuk 4,100 orang anggota yang merangkumi kawasan dari Kuala Sanglang hingga Kuala Sala.

PNKK merupakan gabungan empat persatuan nelayan yang terdapat di Kedah iaitu persatuan nelayan Tanjung Dawai, Yan dan Pulau Langkawi, yang semuanya mempunyai 8,000 ahli.

Kedaifan hidup nelayan Kuala Kedah turut menjejaskan usaha memberi pelajaran kepada anak-anak. Umpamanya, tiga daripada tujuh orang anak Bahari Taib yang tinggal di sebuah rumah setinggian satu bilik terpaksa berhenti sekolah.

Bahari, 50, yang merupakan nelayan tradisi sejak 38 tahun lepas berkata, purata pendapatan bulanannya hanya antara RM200 dan RM300. Pendapatannya akan turut terjejas jika tidak dapat turun ke laut kerana cuaca buruk.

Kehidupan Said Abdul Rahman, 57, seorang lagi nelayan pantai dari Kampung Seberang Hulu agak bernasib baik kerana dua daripada sembilan orang anaknya turut membantu dengan bekerja di sebuah kilang berhampiran,

PENDAPATAN SAMPINGAN

Selain itu, Said yang juga seorang guru Quran turut memperoleh pendapatan sampingan sebanyak RM300 sebulan sebagai imam masjid di kampung berkenaan.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pertanian Negeri Kedah Datuk

Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, kerajaan yang sentiasa peka dengan nasib penduduk di situ sedang merancang membangunkan Kuala Kedah menjadi sebuah bandar pelabuhan terpenting di negeri jelapang padi itu.

Pembinaan seluruh pekan Kuala Kedah untuk dijadikan pekan pelabuhan dan perkampungan nelayan moden dan tersusun akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini.

Rancangan pembinaan itu meliputi pembesaran jeti feri ke Langkawi selaras dengan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Mesyuarat Exco baru-baru ini juga telah memutuskan untuk membina satu lagi jambatan di Kuala Kedah.

Jambatan itu akan dibina tinggi seperti jambatan di Sydney, Australia bagi membolehkan kapal lalu di bawahnya. Apabila dibina kelak ia akan menjadi mercu tanda baru di Kedah, katanya.

Ahmad Bashah berkata kerajaan juga telah memperuntukan RM40 juta buat permulaan untuk kerja-kerja menambak laut bagi projek jambatan itu yang dijangka siap dalam masa tiga tahun lagi.

Selain itu pembinaan projek jalan laut berharga RM130 juta dari Kuala Kedah ke Kuala Sanglang di Perlis telahpun dimulakan.

Projek membersihkan dan memperluaskan muara sungai Kuala Kedah berharga RM30 juta bagi memasukinya juga sedang dilaksanakan.

Beliau berkata, rumah rakyat sebanyak 600 unit di Kuala Kedah yang akan dapat digunakan awal tahun ini adalah projek permulaan. Banyak lagi rumah seumpama itu akan dibina pada masa depan.

Beliau berjanji akan membawa ketengah rayuan PNKK agar kerajaan turut membantu Tabung Bencana Nelayan serta subsidi minyak petrol jika ia benar-benar memberi manfaat kepada kaum nelayan.

Ahmad Bashah yakin Kuala Kedah mampu mencapai kegemilangan seperti pada zaman silamnya dengan adanya usaha kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan asas untuk penduduknya. -- Bernama

HT AM RR